

09 MAY 2002

Mahathir-Lawat

PM TIBA DI KERTIH UNTUK RASMI KOMPLEKS PETRONAS

KEMAMAN, 9 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di Lapangan Terbang Kertih di sini, hari ini, untuk lawatan sehari di Kompleks Industri Petroleum Petronas.

Dr Mahathir yang tiba dengan pesawat khas pada pukul 8.30 pagi disambut oleh Pengerusi Petronas, Tan Sri Azizan Zainul Abidin, Presiden Petronas, Tan Sri Hassan Marican dan Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Terengganu, Datuk Idris Jusoh.

Turut menyambut ketibaan Perdana Menteri ialah para pemimpin Barisan Nasional (BN) negeri, pegawai kerajaan serta lebih 3,000 orang penduduk di daerah itu.

Dr Mahathir kemudiannya menghadiri majlis perasmian Kompleks Industri Petroleum Petronas di Kertih yang turut dihadiri Menteri Besar Terengganu Datuk Seri Abdul Hadi Awang.

Selepas majlis perasmian itu, beliau dijadualkan melawat kompleks itu, manakala pada tengah hari, Perdana Menteri dan rombongan akan melawat kemudahan marin di Kertih dan makan tengah hari di Villa Petronas.

Perdana Menteri kemudiannya akan melawat menara pemerhatian bagi meninjau pemandangan kilang di kompleks itu dan kompleks pemprosesan gas B (GPP-B).

Perdana menteri dijadual berlepas pulang dari Lapangan Terbang Kertih ke Lapangan terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang pada pukul 6.45 petang.

-- BERNAMA

MRA PR